

Isu kontrak: Majlis Guru cadang temui PM

UM 27 AUG 2001

KUALA LUMPUR, 26 Ogos — Majlis Permuafakatan Kesatuan dan Persatuan Guru akan berjumpa Perdana Menteri, dalam masa terdekat ini untuk berbincang dan mendapatkan gambaran jelas mengenai isu kontrak guru.

Selain kontrak guru, majlis permuafakatan yang terdiri daripada 11 buah kesatuan dan persatuan guru di negara ini juga akan membincangkan isu-isu pendidikan lain seperti gejala sosial, memantapkan lagi profesion perguruan dan penubuhan satu skim perkhidmatan asing untuk guru sepertimana yang dinikmati oleh perkhidmatan polis dan tentera.

Menurut pengerusi majlis tersebut, Datuk Siva Subramaniam yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), pihaknya yakin isu-isu pendidikan khususnya kontrak guru dapat diselesaikan melalui perjumpaan itu.

“Kita nak berjumpa dengan Perdana Menteri untuk memberitahunya sendiri mengenai reaksi dari peringkat bawah yang tidak bersetuju dengan cadangan ini.

“Isu kontrak guru ini ibarat api di kalangan guru-guru dan perlu dipandang serius,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis taklimat mengenai kontrak guru kepada wakil-wakil kesatuan dan persatuan guru di sini, hari ini.

Lebih 50 wakil kesatuan dan persatuan guru hadir pada sesi taklimat tersebut.

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung CUEPACS Abdul Rahman Manan.

Terdahulu dalam sesi taklimatnya, wakil-wakil kesatuan dan persatuan guru yang hadir, sebulat suara menentang cadangan kerajaan untuk melaksanakan kontrak guru.

Kontrak guru dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan supaya guru lebih bertanggungjawab kepada profesion yang diceburi.

Tambah Siva, cadangan melaksanakan kontrak guru itu sebenarnya akan melukakan hati guru kerana ia menggambarkan seolah-olah kerajaan tidak mempercayai guru.

Katanya lagi, kontrak guru tidak seharusnya diadakan semata-mata kerana seorang dua guru didapati mengkhianati profesion mereka melalui penglibatan diri dalam kegiatan-kegiatan negatif dan antikerajaan.

“Janganlah kerana marahkan nyamuk, kelambu dibakar. Tidak setuju bukan bermakna kami antikerajaan, atau kami (kesatuan/persatuan) mahu mengajar guru-guru supaya menjadi anti kerajaan, tetapi kami menentang kerana kontrak dan syarat-syarat perkhidmatan memang sudah ada dalam Perintah Am.” tegasnya.